

| | | | |
|------------|---------------|---------|--------|
| TARIKH | 27 / 5 / 2015 | SEKSYEN | BISNES |
| MUKA SURAT | 19 | RUANGAN | |

BIMB untung sebelum PBZT RM220.3 juta

KUALA LUMPUR 26 Mei - BIMB Holdings Bhd. (BHB), mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) berjumlah RM220.3 juta bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2015, iaitu peningkatan RM25.9 juta berbanding yang dicapai pada tempoh yang sama tahun lalu.

Menurut BHB, unit perbankan, Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) merekodkan PBZT sebanyak RM173.7 juta dalam tempoh tersebut,

but, disumbangkan melalui pertumbuhan aktiviti perniagaannya. Pendapatan bank itu berdasarkan dana meningkat RM76.0 juta sementara pendapatannya bukan berdasarkan dana meningkat RM4.3 juta.

Aset pembiayaan bersihnya meningkat sebanyak RM624.2 juta mencecah sehingga RM30.1 billion setakat akhir Mac 2015, berbanding RM29.5 billion setakat 31 Disember 2014.

Sementara itu, unit perniagaan

takafulnya, Syarikat Takaful Malaysia Bhd. (STMB), mencatatkan PBZT berjumlah RM62.2 juta, berbanding RM44.7 juta yang dicatatkan bagi suku yang sama tahun lalu.

Jelas BHB, peningkatan keuntungan itu disumbangkan melalui pendapatan yuran wakalah serta perbelanjaan rizab yang rendah. Pendapatan Operasi STMB mencecah RM562.5 juta, meningkat 30.2 peratus berbanding yang dicapai pada tahun lalu.